

Kementerian teliti syor pemandu warga emas periksa kesihatan

Putrajaya: Kementerian Pengangkutan (MOT) menimbang cadangan terhadap pemandu warga emas 60 tahun ke atas perlu menjalani pemeriksaan kesihatan.

Menterinya, Anthony Loke, berkata pihaknya akan meneliti cadangan itu.

Beliau berkata, pihaknya su-

dah menerima cadangan berkenaan dan ia perlu diteliti terlebih dahulu jika mahu dilaksanakan.

“Setakat ini perkara itu masih belum diputuskan lagi oleh MOT dan ia akan dipertimbangkan.

“Memang betul ada warga emas yang masih memandu, mungkin 30 peratus dan itu mungkin angka yang dilaporkan

oleh media dan itu bukanlah daripada angka statistik dalaman.

“Pemandu warga emas akan menyumbang kepada kemalangan itu adalah satu pandangan umum sahaja. Kebiasaannya pemandu warga emas memandu kenderaan mereka dengan lebih berhati-hati,” katanya pada sidang media di Kementerian Pengangkutan di sini, semalam.

Loke berkata, semua pihak tidak boleh mendiskriminasi bahawa warga emas akan memandu kenderaan dengan berbahaya.

“Betul memang ada ramai lagi warga emas masih memandu, terutama di luar bandar dan MOT menegaskan untuk melihat perkara itu secara praktikal terlebih dahulu.

“Kalau kita kata tidak benarkan warga emas memandu, bagaimana pula di kawasan kampung, mereka tiada mobiliti dan mahu ke mana-mana adalah sukar sekiranya mereka tidak dibenarkan memandu.

Menurut Loke, pihaknya tidak akan mengambil keputusan terburu-buru berkaitan isu itu dan kementerian tidak menghala kepada dasar berkenaan.

30 peratus aktif memandu

Terdahulu, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya,



Loke pada sidang media di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata hasil kajian pihaknya, kira-kira 30 peratus warga emas berusia 60 tahun ke atas dikesan masih memandu secara aktif, terutama di luar bandar sehingga berpotensi meningkatkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini.

Katanya, majoriti pemandu lanjut usia didapati memandu berseorangan dengan kekerapan sekurang-kurangnya satu hingga dua kali seminggu.

“Dalam keadaan usia yang semakin meningkat, risiko mereka menjadi mangsa atau punca kemalangan adalah lebih tinggi.

“Berdasarkan kajian kami yang tertumpu di Semenanjung

dengan menemubual responden di pekan kecil dan bandar menunjukkan banyak kes kemalangan berlaku di luar bandar,” katanya.

Sementara itu, Loke turut mengumumkan kadar fi bagi mencetak Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) di Semenanjung akan diturunkan dari RM50 kepada RM20 berkuat kuasa semalam.

Loke berkata, bayaran VOC di Sabah RM25 juga akan diturunkan kepada RM20 manakala kadar fi di Sarawak dikekalkan.

“Penyelarasan ini bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan kadar fi antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak,” katanya.